

11/05/1998

G15 beri penekanan masalah ekonomi

Mior Kamarul Shahid

PENEKANAN ini selaras dengan tiga isu utama yang akan dibincangkan iaitu krisis kewangan di Asia Tenggara, sistem ekonomi antarabangsa dan meningkatkan dialog di kalangan negara-negara Selatan dan antara negara Selatan dengan Utara.

Sewajarnya, pernyataan bersama yang akan dikeluarkan di akhir sidang menggariskan langkah yang sepatutnya diambil bagi menangani krisis kewangan di Asia Tenggara dan cara mana mengelakkan masalah yang sama merebak ke negara lain. G15 seharusnya mengambil berat soal ini memandangkan bahaya yang mungkin timbul kesan globalisasi tajaan kuasa besar.

Walaupun ketika ini dua negara di Asia yang menganggotai G15 - Indonesia dan Malaysia - menghadapi masalah itu, negara-negara anggota lain sedar mereka juga mungkin dijangkiti masalah yang sama jika tidak mengambil langkah berjaga-jaga mulai sekarang kerana semua mereka juga mengamalkan pasaran terbuka. Mexico yang juga menganggotai G15 sudah mengharungi derita itu dan kesannya masih dirasai.

Pada sidang G15 kali ini, perbincangan mengenai isu kegawatan mata wang, adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan, sambungan daripada isu besar yang dibincangkan dalam sidang kemuncak G15 ketujuh di Kuala Lumpur, November tahun lalu. Setakat ini ia sudah dibincangkan dengan begitu serius pada mesyuarat peringkat menteri perdagangan G15 Jumaat lalu, diikuti peringkat menteri luar, kelmarin.

Mesyuarat peringkat menteri perdagangan 16 negara anggota dalam kerjasama Selatan-Selatan tertumpu kepada cara mana kumpulan itu dapat menangani masalah kewangan yang sudah pun melanda Asia Tenggara. Apakah dengan menggunakan sepenuhnya peluang perdagangan negara Selatan-Selatan dapat menyelesaikan masalah ini? Ia mungkin satu mekanisme terbaik yang seharusnya difikirkan oleh negara-negara anggota. Pada mesyuarat peringkat menteri perdagangan, Malaysia menegaskan bahawa pengajaran penting yang dipelajari ialah perlunya satu disiplin ekonomi dilaksanakan.

Pendekatan ekonomi serantau untuk melaksanakan program menstabilkan ekonomi makro dan penyusunan sektor bank memberi satu mesej yang jelas kepada pasaran bagi mewujudkan satu benteng pertahanan terhadap kesan buruk daripada sebarang krisis ekonomi dan kewangan pada masa depan.

Demi menjaga kepentingan semua negara, Malaysia menegaskan perlunya satu kajian semula mengenai sistem kewangan antarabangsa membabitkan antara lain:

- * Mengukuhkan kawalan pasaran kewangan dan pengaliran modal antarabangsa untuk meningkatkan ketelusan dan memahami dinamika pengaliran modal antarabangsa,

- * Perhatian lebih besar diberikan kepada risiko akibat potensi timbal balik pengaliran modal,

- * Penyelarasan perkongsian maklumat antara negara,

- * Ke kerapian dialog antara institusi kewangan antarabangsa dan peserta pasaran, dan

- * Perlunya undang-undang yang berkesan dan dana pinjaman antarabangsa sebagai langkah terakhir,

Masalah yang dihadapi oleh Indonesia dan Malaysia tidak seharusnya dijadikan satu pengajaran semata-mata tetapi setiap negara anggota perlu meningkatkan daya pengetahuan mereka mengenai perkembangan sistem kewangan dunia yang kini tidak ada peraturan yang tetap.

Berbeza dengan sistem perdagangan yang mempunyai peraturan tertentu, sekurang-kurangnya pertubuhan yang membuat pelbagai peraturan, seperti Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Isu kewangan yang terpaksa dihadapi bersama ini boleh mengelakkan negara-negara anggota daripada berbincang mengenai perkara kurang penting yang boleh menimbulkan konfrontasi.

Kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Suharto dari Indonesia dirasakan begitu penting kerana merekalah pemimpin yang boleh memberi penjelasan kepada sidang puncak berkenaan mengenai masalah yang dihadapi negara masing-masing.

Tentunya, Presiden Suharto yang berucap mewakili Asia akan memberi penjelasan mengenai masalah dan kesan yang dihadapi negaranya sama ada sebelum menerima bantuan daripada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) atau selepas pinjaman diterima.

Apakah bantuan IMF berjaya menyelamatkan negaranya daripada masalah atau ia sebenarnya memburukkan lagi keadaan. Apakah syarat yang dikenakan oleh IMF membantu mengurangkan ketegangan atau ia sebenarnya meruncingkan lagi ekonomi negara itu? Walaupun Indonesia yang dilanda krisis hingga menggugat kedudukannya, kehadiran Suharto boleh dianggap sebagai komitmennya terhadap G15 dan mesej yang hendak disampaikan tentulah sesuatu yang ditunggu-tunggu.

Pemimpin negara anggota lain iaitu, Algeria, Argentina, Brazil, Chile, India, Jamaica, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela dan Zimbabwe, begitu juga anggota baru, Kenya, tentunya berminat untuk mengetahui perkembangan yang dihadapi oleh negara terbabit dalam menangani kegawatan yang mereka hadapi. Salah sebuah lagi negara anggota G15, iaitu Mexico, juga boleh memberi penjelasan mengenai keadaan yang hampir sama pernah dilalui negara berkenaan.

Lebih penting, apakah negara-negara anggota G15 hanya mahu sekadar mendengar penjelasan dan kemudian membuat benteng mempertahankan diri masing-masing daripada sebarang serangan ekonomi, atau mereka akan memberi komitmen untuk sama-sama membantu masalah yang dihadapi negara itu. Jika meningkatkan perdagangan dan pelaburan dianggap satu mekanisme untuk membantu negara yang bermasalah, inilah masanya negara-negara anggota perlu menunjukkan kelangsungan mereka, bukan sekadar menunjukkan rasa simpati.

Sebagaimana dijelaskan oleh Ketua Pengarah WTO, Renato Ruggiero kepada menteri-menteri perdagangan negara G15, bahawa: "Sekarang adalah waktu sukar. Perpaduan negara-negara G15 adalah amat penting yang mana negara-negara membangun perlu membuat sumbangan aktif".

Menteri Perdagangan India, Ramakrishna Hegde pula berkata, G15 seharusnya bercakap dengan satu suara walaupun mereka mewakili benua yang berbeza.

Walau apa pun pandangan negara G15, setiap mereka perlu melihat semula asas penubuhan kumpulan itu sejak sidang kemuncak negara-negara berkecuali di Belgrade September 1989 yang menghasilkan Perundingan Selatan-Selatan. Bukankah matlamatnya untuk mewujudkan sebuah kumpulan yang berfungsi di kalangan negara membangun ke arah kerjasama ekonomi Selatan-Selatan menerusi ikatan peringkat politik tertinggi.

Ketika ditubuhkan, isu yang dihadapi sebagaimana hari ini mungkin belum wujud. Suasana ekonomi global sudah bertukar corak dan sebarang resolusi baru yang akan diambil perlulah mengambil kira soal yang kritikal hari ini. Cara menangani krisis baru ini perlulah dianggap sebagai satu perkembangan dalam kerjasama Selatan-Selatan bagi menghadapi suasana ekonomi antarabangsa. G15 seharusnya menjadi ejen perubahan dalam menghadapi kegawatan hari ini.

Jika G15 pernah menyuarakan hasrat mahu mengubah paradigma globalisasi

yang memberi faedah kepada negara-negara membangun, inilah masanya mereka membuktikan komitmen masing-masing. G15 boleh melakukannya kerana terbukti negara-negara anggotanya sudah pun terbabit dalam usaha penyusunan semula dan liberalisasi ekonomi serta berusaha mengembangkan perdagangan, pelaburan, pemindahan teknologi dan kerjasama teknikal sesama negara anggota.

Ketika menghadiri forum perniagaan anjuran Dewan Perniagaan Mesir di Cairo, Mesir Sabtu lalu, Dr Mahathir diasak bertalu-talu dengan persoalan mengenai masalah ekonomi yang dihadapi Malaysia. Pertanyaan itu dibuat bagi menghilangkan kebimbangan mereka terhadap masa depan Malaysia yang mereka anggap begitu berpotensi sebagai kawasan pelaburan yang penting di Asia.

Penjelasan Dr Mahathir melegakan mereka kerana yakin jika ada satu peraturan baru dapat digubal dan diterima terutamanya negara kuasa besar berhubung urusan niaga mata wang, keadaan yang melanda hari ini, boleh dikawal.

Atas dasar ini jugalah dirasakan sudah sampai masanya G15 memberi mesej yang tegas terhadap perlunya satu dialog diadakan antara wakil negara membangun dengan negara perindustrian Kumpulan 7 (G7). Terpulanglah kepada sidang puncak ketua-ketua negara dan kerajaan G15 untuk memutuskan sama ada perlu perkara itu dimasukkan ke dalam pernyataan bersama yang akan dikeluarkan di akhir sidang mereka nanti atau mengeluarkan satu kenyataan tegas yang berasingan.

(END)